

30/09/1999

49,000 tiket F1 sudah terjual

Lukman Salleh

SEJUMLAH 49,000 tiket bernilai lebih RM30 juta sudah dijual untuk perlumbaan Formula Satu Grand Prix Malaysia Petronas di Litar F1 Sepang dari 15-17 Oktober ini.

Walaupun jumlah itu kecil berbanding kapasiti 120,000 di litar berkenaan, petanda ketika ini menunjukkan peningkatan pembelian oleh peminat sukan bermotor.

Pengelola perlumbaan F1, Sepang International Circuit (SIC) Sdn Bhd berkata angka itu tidak membimbangkan di samping yakin peminat akan membanjiri litar itu, sekali gus mencapai sasaran 90,000 penonton.

"Menurut perunding kami, ia sesuatu yang biasa bagi permulaan Formula Satu. Apabila tiba perlumbaan nanti, penjualan tiket akan meningkat," kata Pengurus Besar SIC, Hussin Mohd Ali, dalam sidang akhbar Minggu Sukan Bermotor oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, di Damansara, semalam.

Daripada sejumlah 49,000 tiket itu, 30,000 ialah bagi tempat duduk grand stand manakala bakinya untuk tempat duduk tidak berbumbung dan di sekeliling litar.

Menurutnya, peminat boleh membeli tiket di 55 kedai Mesra stesen minyak Petronas, tujuh lapangan terbang antarabangsa negara ini dan juga di litar F1 Sepang.

Bagaimanapun, SIC menolak kemungkinan harga tiket dikurangkan menjelang pertandingan sekiranya penjualan tiket masih tidak memuaskan.

"SIC tidak akan mengambil langkah itu kerana kami rasa tidak adil bagi peminat yang sudah pun membeli tiket pada harga asal," katanya.

Tiket untuk tempat duduk sementara bernilai antara RM350-RM500 manakala di sekeliling litar ialah RM150-RM250.

Muhyiddin pula berkata saingan merebut kejuaraan dunia antara pemandu McLaren Mercedes, Mika Hakkinen, dan pemandu Ferrari, Eddie Irvine, akan merencanakan lagi perlumbaan di Malaysia.

"Saya pasti ia saingan yang cukup hebat dan perlumbaan yang menarik dan kita harap peminat akan beramai-ramai menyaksikannya," katanya.

Terdahulu, dalam majlis itu, Muhyiddin berkata Minggu Sukan Bermotor akan berlangsung dari 9-17 Oktober sebagai usaha untuk mewujudkan 'demam' Formula Satu di negara ini.

Minggu Sukan Bermotor yang akan dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Merdeka pada 9 Oktober ini, akan diserikan dengan pelbagai acara menarik.

"Aktiviti ini diadakan untuk membangunkan sukan bermotor di negara ini selain membangkitkan demam Formula Satu bagi menggerakkan masyarakat untuk membeli tiket," katanya.

(END)